

## Aktiviti pendakian di HSK Selangor dibenar mulai Februari

Sinar Harian

Januari 17, 2022 13:32 MYT



*Aktiviti pendakian di hutan simpan di Selangor dibenarkan semula selepas tempoh larangan berakhir pada 31 Januari ini. - Foto Sinar Harian*

**SHAH ALAM:** Aktiviti pelancongan pendakian di dalam Hutan Simpanan Kekal (HSK) di negeri Selangor dibenarkan semula selepas tempoh larangan berakhir pada 31 Januari ini.

Exco Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Orang Asli negeri, Hee Loy Sian memaklumkan, aktiviti berkenaan akan dibenarkan semula bermula 1 Februari ini.

"Larangan mendaki akan tamat pada 31 Januari dan aktiviti mendaki boleh bermula pada 1 Februari ini," katanya ketika dihubungi Sinar Harian pada Isnin.

Beliau berkata demikian menjawab pertanyaan peminat dan pengajur sukan serta aktiviti lasak yang berhasrat untuk meneruskan semula aktiviti mereka susulan keadaan cuaca semakin baik.

Pada 31 Disember lalu, Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS) tidak membentarkan sebarang aktiviti pendakian di dalam HSK di negeri ini bermula 1 Januari.

Pengarahnya, Datuk Ahmad Fadzil Abd Majid dalam satu notis dimuat naik di laman Facebook JPNS dilaporkan berkata, aktiviti pelancongan pendakian itu ditutup sehingga 31 Januari ini.

Menurutnya, orang ramai yang masih berdegil tidak mematuhi arahan penutupan akan diambil tindakan tegas mengikut Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negara 1985.

Orang ramai boleh menghubungi JPNS di talian 03-55447000/03-55447507 atau emel ke [admin\\_eco\\_park@forestry.gov.my](mailto:admin_eco_park@forestry.gov.my) untuk maklumat lanjut.

**Artikel asal di [Sinar Harian](#)**